

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 11/1/2011
Hari: SELASA MS: 22
Ruangan: 15MB5

Pasar Raya Pendang luaskan operasi

ALOR SETAR 10 Jan. – Pasaraya Pendang Sdn. Bhd. (Pasar Raya Pendang), sebuah rangkaian pasar raya milik bumiputera di negeri ini, merancang untuk meluaskan operasinya secara francais pada tahun ini.

Pengurusnya, Fauzi Rashid berkata, pihaknya menyasarkan untuk melantik lima pemegang francais pada tahun ini selari dengan usaha mengembangkan operasi melalui sistem itu termasuk ke luar negara.

"Kami merancang membuka francais pertama di Universiti Utara Malaysia (UUM)

dalam tempoh terdekat.

"Perbincangan dengan beberapa pihak termasuk dengan sebuah koperasi di wilayah Selatan Thailand sedang dijalankan bagi tujuan itu," katanya selepas majlis perasmian pembukaan semula Pasar Raya Pendang cawangan Jalan Langgar di sini hari ini.

Ia dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan dan Pembangunan Usahawan negeri, Abdul Ghani Ahmad.

Hadir sama, Penasihat MSAR Group Berhad, Datuk Sheikh Hasbullah Abdul Halim

dan Pengarah Urusan pasar raya itu, Mohd. Shakri Abd. Razak.

Syarikat milik penuh bumiputera itu ditubuhkan pada Oktober 1994 dan mula menjalankan perniagaannya secara rasmi setahun kemudian.

Fauzi memberitahu, sehingga kini pasar raya berkenaan mempunyai enam cawangan iaitu masing-masing empat di Pendang dan dua di sini.

Kata beliau, pihaknya merancang meluaskan operasi perniagaan pasar raya tersebut ke

seluruh negara tetapi perlu mengambil sedikit masa untuk meneliti beberapa perkara lain.

Menurutnya, syarikat itu kini menekankan kepada sistem francais dalam bidang peruncitan kerana ia berpotensi untuk meningkat.

"Kami yakin sistem francais adalah kaedah terbaik bukan sahaja bagi kami mengembangkan perniagaan tetapi juga sebagai platform bagi usahawan bertapak memasarkan produk halal mereka," katanya.